

UUM tersenarai dalam kelompok 100 universiti terbaik ASIA THE

23 Jun 2023 09:48am **Masa membaca: 2 minit**



Universiti Utara Malaysia - Foto Bernama

ALOR SETAR - Universiti Utara Malaysia (UUM) tersenarai dalam kelompok 100 Universiti Terbaik Asia dalam senarai Times Higher Education (THE) Asia University Rankings 2023.

Naib Canselor UUM, Prof Dr Mohd Fo'ad Sakdan berkata, dalam tempoh tiga tahun sejak 2021, universiti itu berjaya membuat lonjakan 56 anak tangga sehingga berada dalam kelompok 100 Universiti Terbaik Asia.

"Pada tahun ini, UUM berada di kedudukan ke-99 berbanding 148 pada tahun lalu dan kedudukan ke-155 pada 2021.

"UUM berkongsi kedudukan kali ini dengan tiga lagi universiti dari luar negara iaitu Jazan University, Arab Saudi; University of International Business and Economics, China dan Cankaya University, Turkiye," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata lonjakan sehingga 56 anak tangga itu adalah hasil usaha dan komitmen warga UUM dalam menjadikan universiti itu sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka serta dalam menjayakan Pelan Strategik UUM.

"Pihak pengurusan ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam mencipta sejarah manis untuk UUM, terutamanya kepada Naib-naib Canselor sebelum ini, Timbalan-timbalan Naib Canselor dan semua warga UUM.

"Kedudukan UUM dalam senarai 100 universiti terbaik di Asia ini membolehkan universiti ini bergerak jauh ke hadapan bagi meluaskan lagi jaringan di peringkat nasional dan antarabangsa," katanya.

Mohd Fo'ad berkata kejayaan itu juga pastinya tidak mampu dicapai tanpa sokongan padu daripada Kementerian Pendidikan Tinggi yang memberi sokongan kepada UUM untuk terus merealisasikan visi dan misi UUM.

THE Asia University Rankings yang dikeluarkan secara tahunan menyaksikan sebanyak 669 universiti seluruh Asia disenaraikan bagi penarafan 2023. - Bernama